



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA

(TENDER NO. KPKT/JPSPN/BPP/EIA/4/2019)

TAJUK PROJEK	KOD BIDANG TARAF / JENIS SYARIKAT *	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN TENDER DIJUAL	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER DITUTUP
<p>Pelantikan Perunding untuk Menyediakan Laporan Penilaian Terperinci Impak Alam Sekitar (S2 EIA) Bagi Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Muar, Johor</p> <p>Taklimat Tender :</p> <p>Kehadiran: Diwajibkan</p> <p>Tarikh: 24 Jun 2019 (Isnin)</p> <p>Masa: Bermula 9.00 pagi</p> <p>Tempat: Bilik Mesyuarat, Aras 23 Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT</p>	<p>330207- Kajian Alam Sekitar</p> <p>Terbuka</p> <p>Tempoh Sah Laku Tawaran 90 hari</p>	<p>Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 24, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya</p> <p>(Harga :RM50)</p> <p>Mulai :</p> <p>24 Jun 2019 (Isnin) hingga 04 Julai 2019 (Khamis)</p> <p>Waktu:</p> <p>8.30 pagi - 1.00 tengah hari dan 2.00 petang - 4.30 petang</p>	<p>Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 24, No.51, Persiaran Perdana , Presint 4, 62100 Putrajaya</p> <p>Tarikh Tutup:</p> <p>15 Julai 2019 (Isnin)</p> <p>Masa :</p> <p>12.00 Tengah Hari</p>

1. Tender ini adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang 330207** yang masih sah dan berkuatkuasa. Petender yang **mempunyai pengalaman dalam menyediakan laporan kajian terperinci impak alam sekitar atau laporan seumpamanya adalah satu kelebihan.**
2. Dokumen Tender ini boleh diperolehi di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 24, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya** pada waktu pejabat (**8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang**) mulai **24/06/2019 (Isnin)** selepas taklimat tender.
3. Taklimat akan diadakan pada **24/06/2019 (Isnin), bermula jam 9.00 pagi** di Bilik Mesyuarat, Aras 23, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT. **Kehadiran adalah diwajibkan** dan hanya **PENAMA** di dalam Sijil Pendaftaran sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat, maksimum **dua (2) orang wakil** bagi setiap syarikat sahaja dibenarkan hadir mendengar taklimat.
4. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil syarikat yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil-wakil syarikat hendaklah membawa satu (1) salinan fotostat **Sijil Pendaftaran Kod Bidang dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Bumiputera semasa menghadiri taklimat diadakan dan Pembelian Dokumen Tender.** Dokumen Tender tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan salinan sijil tersebut dan tidak menghadiri taklimat pada **24/06/2019 (Isnin).**
5. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank atau cek di atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.**
6. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 24, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, pada tarikh seperti yang dinyatakan di atas.**
7. Tawaran Tender yang **lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.** Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan **tidak akan bertanggungjawab** ke atas sebarang **kelewatan** yang timbul secara langsung atau tidak langsung terhadap Dokumen manual yang dikemukakan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.

8. Semua pertanyaan mengenai urusan tender hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar selewat-lewatnya **tiga (3) hari** sebelum tarikh tutup tender melalui e-mail sahaja kepada pegawai yang dinyatakan di bawah. Tiada pertanyaan atau rayuan boleh dibuat selepas tarikh tutup tender sehingga keputusan Tender dikeluarkan. Bukti penghantaran pertanyaan tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan oleh pihak Kementerian. Semua pertanyaan akan dijawab mengikut prosedur aduan awam sedia ada. Pertanyaan hendaklah dialamatkan kepada :

Alamat : Bahagian Pengurusan Projek,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Aras 23, No.51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.
(u.p: Urusetia Tender)

9. Iklan juga dipapar dan boleh dimuat turun dengan melayari laman web rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my dan ***MYProcurement Portal***.
10. Pihak Kerajaan berhak membatalkan tender ini pada bila-bila masa di atas sebab-sebab yang difikirkan munasabah oleh Kerajaan, dengan notis yang dipaparkan di halaman laman web rasmi Kementerian tanpa perlu menyatakan sebab-sebab tersebut kepada Petender.